BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mei 2020

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah manakala inflasi teras menjadi sederhana



¹ Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan tidak berubah pada -2.9% pada bulan Mei 2020 kerana kenaikan harga bahan api pada bulan itu diimbangi sebahagiannya oleh inflasi sewaan yang lebih rendah. Inflasi kekal negatif disebabkan terutamanya oleh harga bahan api yang ketara lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya, di samping pemberian diskaun bil elektrik.
- Risiko deflasi kekal terhad. Meskipun inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menjadi sederhana kepada 1.1% (April: 1.3%), bilangan barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mencatatkan kenaikan harga bulanan adalah lebih tinggi pada bulan Mei (Bahagian barangan IHP dengan kenaikan harga bulanan; Mei: 36%; April: 10%; Mac: 29%; Purata 2010-2018: 46%), menandakan tekanan harga sedikit sebanyak telah kembali ke tahap yang wajar.

IPI keseluruhan menguncup dengan ketara pada bulan April 2020



Sumber: MATRADE

- Indeks Pengeluaran Industri (*Industrial Production Index*, IPI) keseluruhan menguncup dengan ketara pada bulan April 2020 (-32.0%, Mac 2020: -4.9%) apabila semua industri (perkilangan, perlombongan dan elektrik) mencatatkan penguncupan dua angka pada bulan itu disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan.
- Pertumbuhan sektor perkilangan menguncup sebanyak -37.2 pada bulan April 2020 (Mac 2020: -4.1%).

Pertumbuhan pinjaman berterusan, dengan paras pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman terus menurun



¹ Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)].

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal pada 3.9% (April: 4.0%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul (Mei: 3.2%, April: 3.3%). Sementara itu, pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana sedikit (Mei: 4.5%, April: 4.7%) berikutan pengeluaran pinjaman menguncup pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan pembayaran balik pinjaman.
- Paras pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman kekal lemah bagi kebanyakan sektor perniagaan dan semua tujuan pinjaman isi rumah dalam keadaan fasa Perintah Kawalan Pergerakan yang berbeza dan pemberian moratorium bagi pembayaran balik pinjaman pada bulan itu.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul menurun kepada 1.9% (Mac: 5.8%), disebabkan terutamanya oleh kesan asas yang tinggi daripada satu terbitan besar sahaja pada bulan Mei 2019.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Mei



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Mei, pasaran kewangan domestik mencatatkan prestasi bercampur-campur kerana faktor luaran terus menjejaskan sentimen pelabur. Jumlah aliran keluar porfolio bukan pemastautin berjumlah USD0.3 bilion, sebahagian besarnya daripada pasaran ekuiti. Hal ini seterusnya menyebabkan ringgit menyusut nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan dolar AS.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat sebanyak 4.7% dalam keadaan sokongan yang berterusan daripada pelabur domestik, terutamanya pelabur institusi. Sentimen pelabur domestik sebahagiannya dirangsang oleh pengumuman pertumbuhan KDNK S1 yang lebih baik daripada jangkaan. Hal ini menjadi pemangkin kepada permintaan yang lebih tinggi terhadap ekuiti domestik.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menurun kepada 5.8 basis mata asas, didorong sebahagiannya oleh pengurangan OPR pada awal bulan Mei dalam keadaan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin.

Sorotan Bulanan
Mei 2020

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah perlindungan mudah tunai sistem perbankan berjumlah 140.2%[1] pada bulan Mei 2020 (Apr-20: 143.9%).
- Pertumbuhan deposit kekal stabil pada 2.8%, disokong oleh pertumbuhan deposit yang kukuh daripada individu. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berjumlah 82.3% dan 71.7%.

[1] Mulai 25 Mac 2020, institusi perbankan boleh beroperasi di bawah keperluan minimum sebanyak 100% untuk sementara waktu.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Kualiti Aset Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih keseluruhan masing-masing kekal pada 1.6% dan 1.0%.
- Bank-bank terus membuat peruntukan berasingan yang lebih daripada mencukupi sebagai penampan bagi menghadapi potensi kerugian berdasarkan penilaian berpandangan ke hadapan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 06/20/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Selasa, 30 Jun 2020

SOROTAN BULANAN – Mei 2020

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah manakala inflasi teras menjadi sederhana

- Inflasi keseluruhan tidak berubah pada -2.9% pada bulan Mei 2020 kerana kenaikan harga bahan api pada bulan itu diimbangi sebahagiannya oleh inflasi sewaan yang lebih rendah. Inflasi kekal negatif disebabkan terutamanya oleh harga bahan api yang ketara lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya, di samping pemberian diskaun bil elektrik.
- Risiko deflasi kekal terhad. Meskipun inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menjadi sederhana kepada 1.1% (April: 1.3%), bilangan barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mencatatkan kenaikan harga bulanan adalah lebih tinggi pada bulan Mei (Bahagian barangan IHP dengan kenaikan harga bulanan; Mei: 36%; April: 10%; Mac: 29%; Purata 2010-2018: 46%), menandakan tekanan harga sedikit sebanyak telah kembali ke tahap yang wajar.

IPI keseluruhan menguncup dengan ketara pada bulan April 2020

- Indeks Pengeluaran Industri (Industrial Production Index, IPI) keseluruhan menguncup dengan ketara pada bulan April 2020 (-32.0%, Mac 2020: -4.9%) apabila semua industri (perkilangan, perlombongan dan elektrik) mencatatkan penguncupan dua angka pada bulan itu disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan.
- Pertumbuhan sektor perkilangan menguncup sebanyak -37.2 pada bulan April 2020 (Mac 2020: -4.1%).

Pertumbuhan pinjaman berterusan, dengan paras pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman terus menurun

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal pada 3.9% (April: 4.0%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul (Mei: 3.2%, April: 3.3%). Sementara itu, pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana sedikit (Mei: 4.5%, April: 4.7%) berikutan pengeluaran pinjaman menguncup pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan pembayaran balik pinjaman.
- Paras pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman kekal lemah bagi kebanyakan sektor perniagaan dan semua tujuan pinjaman isi rumah dalam keadaan fasa Perintah Kawalan Pergerakan yang berbeza dan pemberian moratorium bagi pembayaran balik pinjaman pada bulan itu.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul menurun kepada 1.9% (Mac: 5.8%), disebabkan terutamanya oleh kesan asas yang tinggi daripada satu terbitan besar sahaja pada bulan Mei 2019.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

- Pada bulan Mei, pasaran kewangan domestik mencatatkan prestasi bercampur-campur kerana faktor luaran terus menjejaskan sentimen pelabur. Jumlah aliran keluar porfolio bukan pemastautin berjumlah USD0.3 bilion, sebahagian besarnya daripada pasaran ekuiti. Hal ini seterusnya menyebabkan ringgit menyusut nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan dolar AS.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat sebanyak 4.7% dalam keadaan sokongan yang berterusan daripada pelabur domestik, terutamanya pelabur institusi. Sentimen pelabur domestik sebahagiannya dirangsang oleh pengumuman pertumbuhan KDNK S1 yang lebih baik daripada jangkaan. Hal ini menjadi pemangkin kepada permintaan yang lebih tinggi terhadap ekuiti domestik.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menurun kepada 5.8 basis mata asas, didorong sebahagiannya oleh pengurangan OPR pada awal bulan Mei dalam keadaan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan

- Nisbah perlindungan mudah tunai sistem perbankan berjumlah 140.2%[1] pada bulan Mei 2020 (Apr-20: 143.9%).
- Pertumbuhan deposit kekal stabil pada 2.8%, disokong oleh pertumbuhan deposit yang kukuh daripada individu. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berjumlah 82.3% dan 71.7%.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih keseluruhan masing-masing kekal pada 1.6% dan 1.0%.
- Bank-bank terus membuat peruntukan berasingan yang lebih daripada mencukupi sebagai penampan bagi menghadapi potensi kerugian berdasarkan penilaian berpandangan ke hadapan.

Bank Negara Malaysia
30 Jun 2020

[1] Mulai 25 Mac 2020, institusi perbankan boleh beroperasi di bawah keperluan minimum sebanyak 100% untuk sementara waktu.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my